



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	21/10/2018	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Arak, haiwan eksotik dirampas

Cubaan seludup gagal, rampasan bernilai RM70,000

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Cubaan menyeludup arak dan haiwan eksotik bernilai hampir RM70,000 oleh warga asing berjaya dipatahkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) di lokasi 20 batu nautika timur Tanjung Gemok, peangkelmarin.

Timbalan Pengarah (Operasi) Maritim Pahang, Kapten V.Pannir Selvan Veloo, berkata, berdasarkan risikan, penguatkuasa telah menahan sebuah bot nelayan tempatan bersama seorang tekong dan tujuh awak-awak. Mereka dipercayai cuba menyeludup masuk sejumlah besar kanton arak dan beberapa tong yang berisi haiwan eksotik, kira-kira jam 2.45 petang.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, mereka yang menggunakan bot nelayan tempatan itu membawa 10 tong berisi ular air yang masih hidup dan setong ular beku yang dipercayai dibawa dari Vietnam untuk dipasarkan di Malaysia.

"Selain daripada itu, mereka disyaki cuba menyeludup keluar lebih kurang setan sotong basah yang telah siap dibungkus ke negara jiran.

"Ketika bot ditahan, terdapat beberapa bot nelayan lain yang turut berada berhampiran bot tersebut



V Pannir menunjukkan ular air yang dirampas dalam bot nelayan tempatan, semalam.

untuk melakukan transaksi. Namun kesemua bot tersebut berjaya meloloskan diri," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Kesemua lapan warga Vietnam berumur lingkungan 25 hingga 35 tahun itu juga tiada dokumen perijabatan yang sah ditahan dan diserahkan kepada pegawai pernyasat untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Akta Perlindungan 1985 kerana melanggar syarat lesen membawa barang-barang kargo, Akta Imigresen 1959/63 kerana tiada pengenalan diri yang sah, Akta Kastam 1967 dan Akta Perhilitan kerana disyaki menyeludup masuk

info

Bot nelayan bawa 10 tong ular air hidup, setong ular beku, satu tan sotong basah

minuman keras dan haiwan eksotik

V Pannir berkata, ini merupakan kes tangkapan pertama melibatkan penyeludup arak dan hidupan eksotik bagi tahun ini.

"Maritim Negeri Pahang akan terus mempertingkatkan kawalan dan rondaan di perairan Pahang bagi menghalang kegiatan penyeludupan ini dari terus bertelasa.

"Sebarang maklumat dan aduan di laut boleh terus menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang 09-5735587," katanya.